

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID**
[Pengerang]
TARIKH : **18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

SOALAN NO. 20

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status dan bilakah Kementerian akan membuat pindaan menetapkan had umur perkahwinan bagi bukan Islam dan Islam, lelaki serta perempuan kepada 18 tahun di Malaysia seperti mana komitmen Kerajaan yang diputuskan dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada Oktober 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha Kerajaan menangani isu perkahwinan bawah umur, Kerajaan telah mengadakan beberapa siri sesi konsultasi dan perbincangan dengan pelbagai pihak seperti Kementerian/jabatan Kerajaan, ahli akademik, pakar hak asasi kanak-kanak, NGO, agamawan dan wakil Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak.

Bagi mengawal permohonan perkahwinan bawah umur orang Islam, Jabatan Kehakiman Syariah (JKSM) telah mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Permohonan Kebenaran Nikah Bawah Umur sebagai panduan kepada Mahkamah Syariah seluruh Malaysia. SOP tersebut telah dibuat edaran secara rasmi kepada semua Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN)/Mahkamah Syariah Negeri melalui edaran surat pekeliling Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM bertarikh 15 Oktober 2018.

Berdasarkan makluman yang diterima daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), satu draf pindaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 [Akta 303] sedang disediakan dengan meminda umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun bagi perempuan serta dengan menjadikan tatacara-tatacara permohonan kebenaran untuk berkahwin di bawah had umur minimum sebahagian daripada pindaan Akta 303. Pada masa ini, sesi perbincangan dan libat urus bersama agensi-agensi masih diteruskan bagi memastikan pindaan yang dicadangkan adalah komprehensif dan dapat dikuatkuasakan secara berkesan kelak. Selain daripada itu, cadangan pindaan tersebut akan dibentangkan kepada negeri-negeri melalui Majlis Dialog dan Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas. Pindaan Akta ini akan dibentangkan di Parlimen setelah sesi rundingan dengan negeri-negeri dan pemegang taruh selesai dijalankan dan setelah draf pindaan dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi perkahwinan orang bukan Islam pula, penelitian terperinci telah dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) terhadap cadangan pindaan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] bagi menaikkan had umur pendaftaran perkahwinan kepada 18 tahun. Pihak KDN mendapati bahawa tiada keperluan untuk meminda peruntukan berkaitan had umur pendaftaran perkahwinan di bawah Akta 164 kerana telah diperuntukkan dengan jelas had umur minimum pendaftaran perkahwinan bagi lelaki dan wanita iaitu 18 tahun. Pengecualian hanya diberi kepada wanita berumur 16 dan 17 tahun yang mendapat kebenaran daripada Ketua Menteri/Menteri Besar. Pengecualian ini walau bagaimanapun, akan ditangani melalui mekanisme kawalan yang akan dilaksanakan melalui penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) permohonan perkahwinan bawah umur.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehubungan itu, saya ingin menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya menyokong usaha Kerajaan ini agar kanak-kanak di Malaysia tidak lagi berkahwin pada usia muda dan potensi mereka dapat dikembangkan dengan sepenuhnya. Dengan ini, mereka juga dapat membuat pilihan yang lebih baik dalam hidup mereka nanti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR MICHAEL TEO YU KENG

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan dan langkah-langkah yang sedia ada atau yang akan dilaksanakan untuk membanteras jenayah komersil yang kian berleluasa oleh sindiket dan syarikat skim pelaburan yang tidak sah bertujuan untuk menipu wang rakyat seperti skim pelaburan saham, emas dan bitcoin.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memberikan perhatian yang serius terhadap kes-kes jenayah berunsurkan penipuan yang sering kali berlaku dan melibatkan jumlah kerugian yang amat besar kepada mangsa. Antara bentuk penipuan yang sering dilaporkan ialah pelaburan skim cepat kaya yang menawarkan skim yang kononnya dapat menjana pulangan lumayan dengan cepat daripada pelaburan yang kecil.

Antara usaha-usaha yang telah dilakukan bagi membendung masalah ini adalah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang untuk mengesan, menangkap dan seterusnya mendakwa individu-individu atau sindiket yang merancang atau melakukan jenayah penipuan ini. Antara undang-undang yang boleh digunakan untuk mengambil tindakan ialah Kanun Keseksaan dan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001, Selain itu, tindakan yang lebih tegas juga boleh diambil terhadap sindiket ini menggunakan peruntukan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959.

Di samping itu juga, Polis DiRaja Malaysia telah menubuhkan satu unit baru pada tahun 2019 iaitu Unit Siasatan Jenayah Cryptocurrency yang diletakkan di bawah Bahagian Siasatan Perakaunan Forensik, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil untuk membanteras kes pelaburan haram yang melibatkan bitcoin. Jabatan Siasatan Jenayah Komersil juga telah mewujudkan satu portal (<http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/>) bagi memudahkan orang awam untuk menyemak nombor telefon dan nombor akaun sebelum sesuatu transaksi dibuat.

SOALAN: 21

Selain tindakan penguatkuasaan undang-undang yang lebih agresif, pihak kerajaan juga menjalankan kempen-kempen kesedaran, program wawancara di radio atau televisyen untuk memberi peringatan dan panduan kepada masyarakat supaya tidak mudah percaya, sentiasa teliti dan cermat, membuat semakan dan pengesahan sebelum mengambil sesuatu keputusan supaya tidak menjadi mangsa jenayah penipuan. Masyarakat juga boleh menyalurkan maklumat terus kepada balai-balai berhampiran sekiranya mereka dihampiri oleh sindiket atau syarikat pelaburan yang tidak sah.

Kolaborasi antara pihak PDRM dengan agensi luar juga turut dipergiat. Sebagai contoh, pihak SKMM juga ada membuat pendedahan kepada masyarakat mengenai pelaburan dan trend-trend terkini jenayah komersil melalui siaran media massa dan elektronik. Pihak PDRM juga sering mengadakan ceramah kepada agensi luar seperti bank, sekolah dan jabatan lain tentang risiko memasuki pelaburan yang tidak sah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 22

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan

- a. adakah status pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) seperti janji dalam Manifesto Pilihan Raya Pakatan Harapan selepas 1 tahun Pakatan Harapan memenangi Pilihan Raya ke-14; dan
- b. apakah laporan perkembangan sejak pembentukan jawatankuasa khas mengenai pengiktirafan UEC sejak Oktober 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa Pasukan Petugas Dasar *Unified Examination Certificate* (PPDUEC) masih dalam proses menjalankan kajian mengenai isu pengiktirafan sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Pasukan ini telah mula menjalankan tugas secara rasmi pada 21 November 2018.

Sehingga pada 31 Mei 2019, pasukan petugas tersebut telah melaksanakan libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mendapatkan pandangan dan cadangan daripada pelbagai aspek bagi memuktamadkan isu ini. Pasukan petugas ini telah menjalankan libat urus dengan 17 orang tokoh individu yang terdiri daripada bidang pendidikan, politik dan sosial, 24 buah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), tiga (3) parti politik iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Malaysian Chinese Assosiation (MCA), dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), dan lapan (8) agensi kerajaan bagi memastikan pandangan dan cadangan berkaitan isu pengiktirafan sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi IPTA bersifat menyeluruh.

Jawatankuasa tersebut kini dalam proses kajian dan penulisan akhir laporan. Laporan akhir dijangka akan dikemukakan kepada pengurusan tertinggi KPM pada akhir Julai 2019 sebelum diangkat kepada Jemaah Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu pengiktirafan sijil UEC bukan semata-mata isu mengenai peperiksaan yang diiktiraf sahaja tetapi mencakupi perkara yang lebih besar, iaitu yang melibatkan sistem pendidikan negara dan perpaduan masyarakat. Oleh yang demikian, isu ini harus ditangani dengan teliti supaya sebarang keputusan yang dibuat oleh kerajaan tidak akan menimbulkan kekeliruan. Bak kata pepatah, "Bagai menghela (menarik) rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan terserak." Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR.
MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada fungsi dan peranan BERNAS masih sama dengan tujuan asal penubuhannya pada tahun 1996.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

BERNAS telah diswasta pada tahun 1996, bagi mengambil peranan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) dalam melaksanakan fungsi komersil dan sosial badan tersebut. Walau bagaimanapun, fungsi regulatori dan penguatkuasaan LPN masih dikekalkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Di antara peranan sosial yang dilaksanakan oleh BERNAS seperti yang telah dilaksanakan oleh LPN termasuklah:

- i) Memastikan beras mencukupi dan mudah diperolehi dengan harga berpatutan;
- ii) mengurus dan mengekalkan stok penimbal negara pada paras kuantiti yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- iii) menjamin belian padi daripada petani pada harga minima terjamin (*guaranteed minimum price*);
- iv) menjadi pembeli terakhir padi kepada petani;
- v) mengurus pembayaran skim subsidi harga padi kepada petani; dan
- vi) mengurus skim kilang Bumiputera.

Pada masa ini pemantauan dan penilaian terhadap obligasi-obligasi sosial dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pengawasan KPI (*Key Performance Indicators*) BERNAS di peringkat Kementerian. Berdasarkan penilaian, BERNAS telah melaksanakan tanggungjawab dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peranan yang dilaksanakan memerlukan penambahbaikan termasuk pengurusan skim-skim bumiputera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 18.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 24

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bilakah subsidi bersasar akan dilaksanakan. Jelaskan secara terperinci kelayakan penerima subsidi seperti kuasa kuda kenderaan, jumlah liter petrol yang diperuntukkan dan sebagainya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama Kementerian Kewangan (MOF) sedang diperingkat akhir memuktamadkan cadangan mekanisme penyampaian subsidi petrol bersasar untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri. Pengumuman lanjut berkaitan program ini akan dibuat sejurus setelah mendapat kelulusan tersebut.

Merangka satu program subsidi petrol baru yang betul-betul sempurna akan mengambil masa yang terlalu lama untuk dilaksanakan. Oleh itu, KPDNHEP berpandangan bahawa kaedah bantuan tunai terus ke akaun bank penerima subsidi adalah kaedah terbaik pada masa ini. Pelaksanaan program Bantuan Sara Hidup (BSH) membuktikan kaedah penyampaian bantuan kerajaan terus kepada penerima yang efektif dan cepat.

Oleh itu, bermula dengan mekanisme yang sedia ada membolehkan Kementerian untuk melaksanakan program subsidi petrol bersasar dengan segera seperti mana yang diumumkan dalam Belanjawan 2019. Pada masa yang sama ia memberikan ruang kepada kementerian untuk mendapat maklum balas daripada semua pihak dan seterusnya memperbaiki secara tangkas (*agile*) mekanisme pelaksanaan subsidi petrol mahupun penetapan kriteria penerima subsidi petrol.

Sekian, terima kasih.